

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS

SOALAN : 38

PR-1352-T00611

Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah bilangan artis Sabah yang kini di bawah kontrak dengan RTM dan berapakah kos pembiayaan berbanding dengan artis lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) tidak menawarkan kontrak untuk mengikat artis-artis di Malaysia. Namun begitu, menerusi program hiburan seperti Bintang RTM, RTM berjaya melahirkan artis-artis berkualiti dari Sabah seperti Azharina Azhar dan Rozario Ninih.

Semua artis yang diundang dan terlibat dalam persembahan atau program di RTM dibayar secara *one-off* dan jumlah bayaran adalah tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.